

Pk. P.U. 19.**AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976**

UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA (MAJLIS DAERAH KRIAN), 1984

*Akta 171.*Nama,
pemakaian dan
mula berkuat-
kuasa.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Daerah Krian membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri menganugerahkan, undang-undang kecil berikut:

- Tafsiran.**
1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Krian), 1984** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Krian sahaja dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1983.
 2. Dengan undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“barang-barang” termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberi untuk keuntungan;

“gerai” termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjur dari apa-apa juga jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudaleh atau bukan mudaleh dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

“gerai berkunci” ertiannya gerai yang dibina oleh Majlis Daerah Krian atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Yang Dipertua;

“kereta” termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skuter, kar, van, lori, vesel, bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja;

“makanan” termasuklah setiap benda yang digunakan untuk makanan atau minuman manusia atau yang masuk atau digunakan dalam campuran atau persediaan benda-benda tersebut dan juga termasuk bahan-bahan pewarna atau perasa dan rempah-rempah, tetapi tidak termasuk—

- (a) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;
- (b) binatang atau burung hidup; atau
- (c) makanan ternakan atau bahan makanan binatang, burung atau ikan;

“penjaja” termasuklah penjaja beredara, statik atau sementara;

“penjaja beredara” ertiannya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“penjaja sementara” ertiannya seseorang yang kadang-kala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua;

“penjaja statik” ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

“tempat awam” ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau ditunjukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa;

“Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua, Majlis Daerah Krian dan termasuklah Setiausaha.

3. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini. Dilarang menjaja tanpa lesen.

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua dalam borang yang telah ditetapkan oleh Yang Dipertua. Permohonan lesen.

(2) Jika permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Yang Dipertua hendaklah meminta pemohon memberi dua keping fotografnya saiz pasport dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiap-tiap lesen, selain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) (i) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan—

- (a) tempoh sahnya lesen itu;
- (b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan
- (c) had-had, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagai mana yang difikirkan oleh Yang Dipertua patut dikenakan.

(ii) Tiap-tiap lesen hendaklah mempunyai fotograf pemegang lesen.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Yang Dipertua pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Yang Dipertua boleh menurut budi bicaranya, enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah memamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung, kepada Yang Dipertua,

(10) Jika lesen itu hilang, binasa atau rosak, Yang Dipertua boleh mengeluarkan salinan penduanya, dan bayarannya ialah se-puluh ringgit.

(11) Tiap-tiap lesen tahunan yang dikeluarkan hendaklah, melainkan terlebih dahulu dibatalkan, tamat tempoh pada 31hb Disember tahun lesen dikeluarkan.

Saiz gerai.

5. (1) Tiada suatu gerai, selain daripada gerai yang dibina oleh Majlis Daerah Krian atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada suatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

Pemegang lesen tidak hadir.

6. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai itu atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Jika pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh 30 hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang nomini mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua tidak boleh, kecuali dalam hal keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh tidak melebihi satu tahun.

(4) Sekiranya pemegang lesen gagal kembali mengendalikan perniagaan di gerainya setelah tamat tempoh yang dibenarkan di bawah peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini, maka leseninya boleh dibatalkan.

(5) Jika seorang nomini bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah terletak ke atas nomini tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran undang-undang kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(6) Bayaran sebanyak sepuhul ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang nomini.

Larangan.

7. (1) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya—

- (a) dalam lingkungan sembilan meter dari simpang jalan;
- (b) dalam lingkungan tiga puluh enam desimeter dari pili bomba; atau
- (c) di atas tangga, kaki lima, lorong belakang atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan dibenarkan oleh Yang Dipertua.

(2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara boleh menghalang tempat awam atau jalan atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan lisan atau bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua berkenaan dengan penempatan gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

(4) Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.

(5) Seorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

(6) Tidak sesiapa pun dibenarkan tidur di dalam gerai melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

8. Tiada seseorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar atau statik di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Penjaja beredar atau statik.

9. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada tiga desimeter dari mana-mana bahagian kereta tolak itu.

Kereta tolak.

10. Jika kereta digunakan oleh penjaja beredar saiz atau bentuk kereta itu hendaklah mengikut sebagaimana diluluskan oleh Yang Dipertua.

Kereta.

11. Penjaja beredar tidak boleh tinggal tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian ia hendaklah sentiasa berpindah-pindah.

Penjaja beredar hendaklah berpindah-pindah.

12. Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

Pemeriksaan doktor.

13. Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga—

Kebersihan.

(a) dirinya pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih; dan

(b) gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan sihat dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua.

14. Penjaja tidak boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua.

Kayu api tidak dibenarkan.

15. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang cukup, yang bertutup sebagaimana perlu sebagai tempat mengisi sampah.

Tong sampah hendaklah diadakan.

16. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai dan hendaklah diikat dengan sempurna sebelum diletakkan dalam tong sampah.

Sampah pepejal yang basah.

17. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

Pelupusan sampah.

Tumpahan
bahan busuk.

18. Tiada seorang penjaja boleh menyebab atau membenar diletakkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain.

Bayaran.

19. Bayaran yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

Penalti.

20. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini dan seseorang yang setelah diberi lesen oleh Yang Dipertua di bawah undang-undang kecil ini, bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah bersalah atau suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali denda dan penjara dan berkenaan kesalahan yang berterusan sebanyak tidak lebih dua ratus ringgit setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan itu.

Penyitaan.

21. (1) Apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang tidak dilesen untuk bertindak sebagai penjaja di bawah undang-undang kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan ditahan di situ atas risiko pemunyanya.

Tuntutan ke
atas barang-
barang yang
disita.

22. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 21, boleh menuntut barang-barang itu daripada Yang Dipertua dalam tempoh satu minggu dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada pembayaran bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga:

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh satu minggu, Yang Dipertua boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

23. Bahagian IV Undang-Undang Kecil Lembaga Bandaran 1935 sebagaimana yang dipakai di Majlis Daerah Krian adalah dengan ini dimansuhkan.

Diperbuat pada 4hb Februari 1983.
[MD KR. 4062; PU Pk. 36/76.]

MOHD. SHARIFF BIN NOORANI,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Krian

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 15hb Februari 1984.
[PSUK Pk. (KT) 21149/1.]

MOHD. SHAHAR BIN HJ. ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak

Pemansuhan.
F.M.S. G.N.
3797/35
F.M.S. G.N.
134/37.

JADUAL PERTAMA

(Undang-Undang Kecil 8)

1. Mana-mana jalan atau bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan lima puluh meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam, bangunan pejabat Majlis Daerah Krian atau Kerajaan, tempat-tempat awam atau kawasan perdagangan yang diintukkan bagi penjaja-penjaja.
2. Semu tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesyen bas dan tempat teksi.
4. Semua bahagian jalan-jalan awam yang berikut—
 - (i) Pekan Parit Buntar :
 - (a) Jalan Taiping
 - (b) Jalan Teh Peh Kong
 - (c) Jalan Muntri
 - (d) Jalan Pasar
 - (e) Jalan Sungai
 - (f) Jalan Sekolah
 - (g) Jalan Padang
 - (h) Jalan Station;
 - (ii) Pekan Bagan Serai :
 - (a) Jalan Besar
 - (b) Jalan Pasar
 - (c) Lorong Masjid
 - (d) Jalan Sungai Siakap
 - (e) Jalan Raja Said Tauphy
 - (f) Jalan Matang Buloh;
 - (iii) Pekan Kuala Kurau :
 - (a) Jalan Besar
 - (b) Jalan Pantai
 - (c) Jalan Swee Lee
 - (d) Jalan Pasar
 - (e) Jalan Raja Bashah;
 - (iv) Tanjong Piandang :
 - (a) Jalan Besar
 - (b) Jalan Pantai;
 - (v) Jalan Bharu :
 - (a) Jalan Besar.

JADUAL KEDUA

(Undang-Undang Kecil 19)

1. Penjaja Beredara :
\$36.00 setahun.
2. Penjaja Sementara :
 - (i) \$15.00 sebulan satu petak atau;
 - (ii) \$1.00 sehari atau semalam satu petak mengikut mana-mana yang berkenaan.

3. Penjaja Statik:

(a) Lesen gerai selain dari gerai yang disebut pada (b)—

- | | |
|---|-----------------|
| (i) keluasan gerai tidak lebih daripada 1.858 meter persegi | \$7.00 sebulan |
| (ii) keluasan gerai lebih daripada 1.858 meter persegi tetapi tidak lebih daripada 4.645 meter persegi | \$9.00 sebulan |
| (iii) keluasan gerai lebih daripada 4.645 meter persegi tetapi tidak melebihi 9.29 meter persegi | \$11.00 sebulan |
| (iv) keluasan gerai lebih daripada 9.29 meter persegi tetapi tidak melebihi daripada 13.935 meter persegi | \$16.00 sebulan |
| (v) keluasan gerai lebih daripada 13.935 meter persegi tetapi tidak melebihi 18.58 meter persegi | \$21.00 sebulan |
| (vi) keluasan gerai lebih daripada 18.58 meter persegi tetapi tidak melebihi 23.225 meter persegi | \$26.00 sebulan |
| (vii) keluasan gerai lebih daripada 23.225 meter persegi pada kadar \$30.00 sebulan bagi tiap-tiap 9.29 meter persegi atau sebahagian daripadanya | |

Keluasan gerai yang tersebut di atas hendaklah termasuk semua tudung, kajang, pasangan dan lengkapan yang biasanya tidak ditanggalkan.

- | | |
|--|-----------------|
| (b) (i) Gerai Perbandaran Kemajuan Negeri | \$72.00 setahun |
| (ii) Gerai Pejabat Daerah | \$72.00 setahun |
| 4. Petak-peraga dinding (wall showcase): | |
| (i) keluasan petak-peraga dinding tidak melebihi 7 meter persegi | \$10.00 sebulan |
| (ii) keluasan petak-peraga dinding melebihi 7 meter persegi | \$15.00 sebulan |
| 5. Bayaran bagi pindah milik gerai | \$10.00 |
| 6. Jualan buah-buahan bermusim | \$1.00 sehari |
| 7. Jualan di pasar malam dalam kawasan Majlis | \$1.00 sepetak |

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 23)

- | | |
|---|-------------------------|
| 1. Memindahkan gerai atau barang | \$10.00 hingga \$100.00 |
| 2. Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang | \$10.00 sehari |